

PERATURAN DAN PANDUAN
PUSINGAN AWAL PERTANDINGAN BAHAS BAHASA MELAYU PIALA PERDANA
MENTERI TAHUN 2017

1.0 NAMA PERTANDINGAN:

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bahas Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PPM).
- 1.2 Pertandingan pusingan awal ini dijalankan bertujuan memilih pasukan yang akan layak ke pusingan akhir Pertandingan Bahas PPM sempena Hari Kecemerlangan Sekolah Berasrama Penuh (HKSBP), Ke-44 / 2017.

2.0 KELAYAKAN:

- 2.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah jemputan.
- 2.2 Setiap sekolah yang bertanding hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja bagi setiap kategori untuk pertandingan ini.
- 2.3 Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan empat (4) orang pembahas (termasuk seorang pembahas simpanan).
- 2.4 Pendaftaran pasukan hendaklah disahkan secara rasmi oleh Pengetua sebelum diserahkan kepada Urus Setia Pertandingan mengikut tarikh yang ditetapkan.
- 2.5 Ahli pasukan yang telah didaftarkan dan disahkan secara rasmi tidak boleh diganti oleh peserta lain sepanjang pertandingan. Pelanggaran terhadap peraturan ini akan membatalkan penyertaan pasukan yang terlibat.
- 2.6 Sebuah sekolah hanya boleh diwakili oleh murid yang sedang belajar di sekolah tersebut.
- 2.7 Umur peserta/pembahas tidak boleh melebihi 18 tahun pada 1 Januari tahun pertandingan.
- 2.8 Hanya seorang murid bukan bumiputera dibenarkan dalam sesebuah pasukan.

3.0 PENYERTAAN:

- 3.1 Setiap pasukan bahas yang mewakili sekolah hendaklah dianggotai oleh tiga (3) orang pembahas utama dan seorang (1) pembahas simpanan.
- 3.2 Pasukan pencadang yang dikenali sebagai Pasukan Kerajaan akan bertanding dengan pasukan pembangkang yang dikenali sebagai Pasukan Pembangkang.
- 3.3 Pembahas pertama pihak kerajaan dikenali sebagai Perdana Menteri, pembahas kedua sebagai Menteri Kedua dan pembahas ketiga sebagai

Menteri Ketiga. Pembahas pertama pihak pembangkang dikenali sebagai Ketua Pembangkang, pembahas kedua dikenali sebagai Pembangkang Kedua dan pembahas ketiga dikenali sebagai Pembangkang Ketiga.

3.4 Peruntukan masa dan giliran berdebat:

NO	KERAJAAN	MASA	NO	PEMBANGKANG	MASA
1	Perdana Menteri	8 minit	2	Ketua Pembangkang	8 Minit
3	Menteri Kedua	7 minit	4	Pembangkang Kedua	7 Minit
5	Menteri Ketiga	7 minit	6	Pembangkang Ketiga	7 Minit
8	Ucapan Penggulungan: Perdana Menteri / Menteri Kedua	4 minit	7	Ucapan Penggulungan: Ketua Pembangkang / Pembangkang Kedua	4 Minit

3.5 Pembahas pertama daripada kedua-dua pasukan dibenarkan mengutarakan satu hujah sahaja. Pembahas kedua mengutarakan satu hujah sahaja. Pembahas ketiga tidak boleh mengutarakan hujah-hujah baharu tetapi tugas mereka adalah untuk membidas hujah-hujah pasukan lawan.

3.6 Semasa satu pihak berucap, ahli pasukan lawan boleh meminta izin laluan mulai minit kedua hingga minit keenam. Pembahas ini boleh menerima atau menolak izin laluan daripada pihak lawan.

3.7 Selepas semua pembahas berucap, pembahas pertama atau pembahas kedua daripada kedua-dua pihak akan memberi ucapan penggulungan. Pihak pembangkang akan membuat penggulungan terlebih dahulu kemudian diikuti oleh pasukan kerajaan.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN:

4.1 Pertandingan ini menggunakan sistem 'Power Match' (kaedah Swiss Bracket). Penentuan perlawanan dan peranan (Kerajaan/Pembangkang) untuk setiap sidang akan ditentukan menggunakan perisian komputer secara rawak.

4.2 Kriteria-kriteria yang akan diambil kira untuk menentukan kedudukan pasukan adalah seperti berikut:

- i. Menang / Kalah
- ii. Juri
- iii. Margin
- iv. Markah

4.3 Setelah berakhir (3) sidang perbahasan, lapan (8) pasukan teratas bagi semua zon kecuali zon SQL (3 pasukan teratas) akan layak ke Pusingan Akhir Pertandingan Bahas PPM sempena HKSBP ke-44.

4.4 Melalui kaedah 'Power Match', terdapat kemungkinan bahawa pasukan akan berdebat dengan pasukan yang sama lebih daripada sekali.

5.0 PENGHAKIMAN:

- 5.1 Hakim Pertandingan Bahas PPM, HKSBP mesti terdiri daripada guru-guru SBP.
- 5.2 Semua pertandingan bahas mestilah dihakimi oleh barisan panel hakim yang terdiri daripada tidak kurang tiga (3) orang hakim.
- 5.3 Para hakim mestilah diberi taklimat tentang peraturan penghakiman sebelum pertandingan dimulakan.
- 5.4 Kehadiran hakim untuk giliran bertugas adalah WAJIB. Sekiranya seseorang hakim tidak dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan atas sebab-sebab munasabah, maka hakim tersebut wajib memaklumkan kepada Jawatankuasa Pertandingan Bahas secara bertulis dengan kadar SEGERA.
- 5.5 Hakim berkenaan juga perlu mengemukakan bahan bukti bertulis seperti sijil sakit dan/atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Kegagalan mematuhi klausa ini akan menyebabkan hakim tersebut diminta memberi surat tunjuk sebab kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPSBPSK, KPM).
- 5.6 Para hakim mesti mematuhi kod etika berpakaian kerja rasmi demi memelihara imej penghakiman.
- 5.7 Para hakim dilarang mengadili pertandingan yang melibatkan pasukan sekolah sendiri.
- 5.8 Ketua Hakim hendaklah mengesahkan dan menandatangani borang keputusan pertandingan. Ketua Hakim akan mengumumkan keputusan pertandingan bagi Sidang Pertama hingga Sidang Ketiga. Keputusan hakim adalah muktamad.
- 5.9 Para hakim hanya dibenarkan berbincang tentang pemilihan pembahas terbaik dan margin/tahap perbahasan. Speaker Dewan akan memungut borang keputusan semua hakim selepas keputusan diumumkan.
- 5.10 Para hakim mestilah mencapai keputusan sama ada menang atau kalah selepas tamat sesi perbahasan.
- 5.11 Ketua hakim mesti mengisytiharkan keputusan kepada pasukan yang bertanding dan mengumumkan pasukan yang menang, jumlah juri, jumlah margin dan pembahas terbaik
- 5.12 Keputusan secara sebulat suara (3-0) atau keputusan majoriti (2-1) diterima pakai bagi menentukan pemenang. Pindaan terhadap sebarang keputusan tidak akan dibenarkan selepas keputusan diumumkan.
- 5.13 Pemilihan pembahas terbaik akan diputuskan melalui sistem juri. Sekiranya berlaku pertindihan, markah tertinggi pembahas akan diambil kira untuk menentukan pembahas terbaik. Nama pembahas terbaik akan diumumkan selepas perbahasan.

5.14 Semua hakim dikehendaki membuat ulasan selepas perbahasan berakhir. Hanya satu (1) minit diperuntukkan untuk setiap hakim membuat ulasan.

5.15 Ulasan hakim hendaklah berfokus pada kekuatan dan kelemahan dari aspek isi, bahasa, dan gaya perbahasan secara ringkas dan konstruktif. Ulasan tidak menyentuh peribadi mana-mana pembahas secara khusus.

6.0 BANTAHAN:

6.1 Sekiranya terdapat bantahan terhadap keputusan para hakim, bantahan mestilah dibuat secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas pertandingan kepada Juri Rayuan Pertandingan Bahas PPM, HKSBP. Juri Rayuan akan diketuai oleh Pegawai BPSBPSK, KPM dan dianggotai oleh Pegawai Teknikal Bahas.

6.2 Bantahan hanya boleh dibuat oleh guru pengiring yang hadir dan berada di dalam bilik perbahasan sepanjang sesi tersebut berlangsung.

6.3 Bayaran sebanyak RM 200.00 akan dikenakan bagi setiap bantahan yang dibuat.

6.4 Cagaran bayaran ini tidak akan dikembalikan jika bantahan ditolak oleh Juri Rayuan. Bayaran ini akan dimasukkan ke akaun tuan rumah untuk menampung perbelanjaan pengurusan pengelolaan.

7.0 TATACARA:

7.1 Pengendalian Pertandingan Bahas:

7.1.1 Senarai usul bahas bagi setiap sesi akan dimaklumkan kepada sekolah bertanding sebelum tarikh pertandingan.

7.1.2 Setelah mengetahui usul dan peranan, pembahas tidak dibenarkan berhubung dengan sesiapa sahaja. Semua pasukan akan dikuarantin di bilik yang telah ditetapkan di bawah seliaan seorang petugas.

7.1.3 Hanya tiga (3) orang pembahas utama dan seorang (1) pembahas simpanan dibenarkan berada di dalam bilik kuarantin.

7.1.4 Tindakan mencerooboh masuk ke bilik kuarantin atau cubaan memberi bantuan sama ada dengan niat atau tidak, dalam tempoh kuarantin dijalankan akan disabitkan dengan pelanggaran peraturan pertandingan bahas. Jawatankuasa Pengelola boleh mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit.

7.1.5 Penggunaan komputer riba, telefon bimbit dan akses kepada laman sesawang tidak dibenarkan semasa tempoh kuarantin dan sepanjang pertandingan berlangsung. Peserta hanya dibenarkan membawa bahan bercetak sewaktu kuarantin.

7.1.6 Pasukan-pasukan yang bertanding disarankan agar membawa modem mudah alih untuk memastikan kemudahan akses kepada laman sesawang (boleh digunakan semasa sesi persediaan sahaja)

7.1.7 Masa kuarantin pembahas ialah selama 15 minit.

- 7.1.8 Pasukan bahas dikehendaki berada di dalam bilik pertandingan 10 minit sebelum perbahasan bermula supaya pertandingan dapat berjalan dengan lancar.
 - 7.1.9 Sebarang bantuan daripada penonton atau penyokong ketika perbahasan dijalankan tidak dibenarkan sama sekali. Speaker Dewan berhak memaklukkannya kepada Ketua Hakim untuk tindakan selanjutnya.
 - 7.1.10 Sebarang bentuk rakaman (audio dan video) semasa pertandingan berlangsung tidak dibenarkan.
- 7.2 Peranan Speaker Dewan:
- 7.2.1 Setiap sesi pertandingan bahas akan dipengerusikan oleh Speaker Dewan.
 - 7.2.2 Speaker Dewan bertanggungjawab memastikan kelancaran pertandingan.
 - 7.2.3 Speaker Dewan hendaklah memperkenalkan penjaga masa, barisan panel hakim dan para pembahas sebelum pertandingan berlangsung. Speaker Dewan tidak perlu menyebut nama kedua-dua sekolah yang bertanding.
 - 7.2.4 Speaker Dewan mesti membaca peraturan pertandingan perbahasan sebelum perbahasan bermula.
 - 7.2.5 Speaker Dewan tidak boleh membuat sebarang ulasan terhadap pembahas dan perbahasan semasa pertandingan sedang berlangsung.
 - 7.2.6 Speaker Dewan mesti peka pada sebarang bentuk bantuan yang diberikan kepada pembahas dan memberitahu Ketua Hakim untuk tindakan selanjutnya. Ketua Hakim berkuasa untuk meminta pihak yang terbabit meninggalkan bilik perbahasan bagi memastikan pertandingan dapat berlangsung dalam suasana yang adil dan selesa.
 - 7.2.7 Speaker Dewan perlu memberi masa yang sesuai kepada para hakim untuk mengisi markah. Speaker Dewan hendaklah menunggu isyarat daripada Ketua Hakim sebelum meneruskan perbahasan oleh pembahas seterusnya.
 - 7.2.8 Speaker Dewan perlu menjemput ketua hakim / hakim untuk memberikan ulasan selepas tamat sesi perbahasan.
 - 7.2.9 Keputusan pertandingan dan pembahas terbaik mestilah diumumkan oleh Ketua Hakim. Speaker Dewan perlu memastikan semua hakim menandatangani borang penghakiman sebelum borang tersebut dipungut.

7.2.10 Speaker Dewan perlu memastikan semua keputusan, fail hakim dan peralatan perbahasan dihantar ke Bilik Urus Setia Bahas sejeurus pertandingan perbahasan selesai.

7.3 Peranan Penjaga Masa:

7.3.1 Penjaga masa akan membunyikan loceng selepas minit pertama dan pada akhir minit ketujuh / keenam untuk menandakan masa yang diperuntukkan untuk izin laluan. Pada akhir minit kelapan / ketujuh, loceng akan dibunyikan sebanyak dua kali menandakan masa pembahas telah tamat. Kad masa akan ditunjukkan oleh penjaga masa bagi memberitahu baki masa yang tinggal, setiap 1 minit.

7.3.2 Semasa ucapan penggulungan, penjaga masa akan membunyikan loceng sekali pada minit ketiga bagi menandakan pembahas mempunyai baki masa sebanyak 1 minit. Pada akhir minit keempat, loceng akan dibunyikan dua kali untuk menandakan berakhirnya ucapan penggulungan.

8.0 GARIS PANDUAN PERANAN PEMBAHAS:

NO	KERAJAAN			NO	PEMBANGKANG		
1	PERDANA MENTERI	%	MINIT	2	KETUA PEMBANGKANG	%	MINIT
1	Definisi/Pentakrifan tajuk	10	1	1	Setuju/ terima/tolak definisi	10	1
	Nyatakan peranan kerajaan	10	1	2	Bidas pendirian dan hujah Perdana Menteri	25	2
3	Nyatakan peranan pembahas pertama, kedua dan ketiga	10	1	3	Nyatakan pendirian pembangkang	10	1
4	Mulakan hujah dan beri huraian menyokong kes kerajaan	30	3	4	Nyatakan peranan pembangkang pertama, kedua dan ketiga	10	1/2
5	Pertegas kes kerajaan	5	1	5	Mulakan hujah berdasarkan pendirian pihak pembangkang	30	2
6	Izin Laluan	10	1	6	Pertegas kes pembangkang	5	1/2
				7	Izin laluan	10	1

3	MENTERI KEDUA	%	MINIT	4	PEMBANGKANG	%	MINIT
1	Terima / tolak definisi. Beri penegasan semula (jika definisi pembangkang tidak disentuh bermakna definisi diterima)	10	1	1	Bidas tegasan dan hujah Menteri kedua	30	2
2	Bidasan tegasan hujah Ketua Pembangkang	40	2	2	Bidas hujah Perdana Menteri	20	2
3	Nyatakan hujah kedua untuk menguatkan kes	40	3	3	Nyatakan hujah kedua yang bertentangan dengan kerajaan	40	2
4	Izin Laluan	10	1	4	Izin Laluan	10	1
5	MENTERI KETIGA	%	MINIT	6	PEMBANGKANG KETIGA	%	MINIT
1	Bidas hujah-hujah Pembangkang Kedua	40	2	1	Bidas hujah-hujah Menteri Ketiga	40	2
2	Bidas hujah-hujah Ketua Pembangkang	30	2	2	Bidas hujah-hujah Menteri	30	2
3	Perkukuh kes kerajaan	20	2	3	Bidas hujah-hujah Perdana Menteri	10	1
4	Izin laluan	10	1	4	Perkukuh kes pembangkang	10	1
				5	Izin Laluan	10	1
8	UCAPAN PENGULUNGAN	%	MINIT	7	UCAPAN PENGULUNGAN	%	MINIT
1	Bidas kes pembangkang	25	2	1	Bidas kes kerajaan	25	2
2	Menggulung penegasan kerajaan dan kes	25	2	2	Menggulung dan menegaskan kes pembangkang	25	2

9.0 SISTEM PEMARKAHAN

9.1 UCAP UTAMA: 8 MINIT

9.1.1 Setiap pembahas akan diberikan markah mengikut pembahagian berikut:

- a. Isi = 40 markah
- b. Gaya = 20 markah
- c. Strategi = 20 markah
- d. Bahasa = 20 markah

Jumlah = 100 markah

9.1.2 Setiap pembahas diberi 8 minit (Perdana Menteri dan Ketua Pembangkang) dan 7 minit (Pembahas ke-2 dan ke-3) untuk berucap.

9.1.3 Garis Panduan /Skala Pemarkahan:

	MUTU / TAHAP	ISI (40)	GAYA (20)	STRATEGI (20)	BAHASA (20)
A	Cemerlang	32-40	16-20	16-20	16-20
B	Kepujian	24-31	12-15	12-15	12-15
C	Baik	16-23	8-11	8-11	8-11
D	Sederhana	8-15	4-7	4-7	4-7
E	Lemah	0-7	0-3	0-3	0-3

9.2 UCAPAN PENGULUNGAN: 4 MINIT

9.2.1 Setiap pembahas akan diberikan markah mengikut pembahagian berikut:

- a. Bidasan = 25 markah
- b. Rumusan = 25 markah

Jumlah = 50 markah

9.2.2 Pembahas pertama atau kedua akan menyampaikan Ucapan Penggulangan. Pihak pembangkang akan memulakan Ucapan Penggulangan dan diikuti oleh pihak kerajaan.

9.2.3 Setiap pembahas diberikan 4 minit untuk berucap.

9.2.4 Garis Panduan / Skala Pemberian Markah.

	MUTU / TAHAP	BIDASAN (25)	RUMUSAN (25)	JUMLAH (50)
A	Cemerlang	20 – 25	20 – 25	40 ke atas
B	Baik	15 – 19	15 – 19	30 – 39
C	Memuaskan	10 – 14	10 – 14	20 – 29
D	Sederhana	5 - 9	5 - 9	10 – 19

10.0 RUJUKAN UNTUK BORANG PEMARKAHAN:

10.1 AGIHAN MARKAH:

Peruntukan markah bagi setiap pembahas adalah seperti berikut :

- ISI = 40 MARKAH
- GAYA = 20 MARKAH
- STRATEGI = 20 MARKAH
- BAHASA = 20 MARKAH

10.2 ISI:

- 10.2.1 Hakim harus menilai isu dari segi hujah yang disampaikan dan bukan dari gaya menyampaikan hujah. Hakim sewajarnya (harus) menilai ketepatan dan kemantapan hujah tanpa dipengaruhi oleh kepandaian pembahas berkata-kata.
- 10.2.2 Penilaian isi juga termasuk penilaian dari segi ketepatan dan kemantapan bidasan.
- 10.2.3 Tugas hakim adalah untuk menilai kemantapan dan ketepatan hujah
- 10.2.4 Jikalau hujah yang diberi adalah lemah dari segi kemantapan dan ketepatan isi dan hujah itu tidak dibidas oleh pihak lawan, maka pihak yang tidak membidas hujah tersebut telah melakukan kesalahan yang lebih serius berbanding pihak yang menyampaikan hujah yang lemah itu kerana tidak mengambil kesempatan membidas hujah yang lemah itu. Namun begitu, bidasan yang dibuat harus berdasarkan hujah dan bukannya berdasarkan contoh dan analogi.

10.3 GAYA:

- 10.3.1 Hakim seharusnya tidak terpengaruh dengan gaya pembahas yang keterlaluan.
- 10.3.2 Gaya termasuk cara pembahas berhujah iaitu sebutan dan bahasa gerak badan.
- 10.3.3 Penggunaan nota dan kad nota dibenarkan dan tidak harus didenda kecuali pembahas ternyata membaca nota.
- 10.3.4 Hakim dinasihati bertoleransi dengan gaya bertutur dan kepantasan menyampaikan hujah dan markah hanya dipotong jika gaya pembahas melampaui batas.

10.4 STRATEGI:

- 10.4.1 Strategi meliputi dua (2) konsep utama iaitu
 - i. struktur dan peruntukan masa penghujahan, dan
 - ii. pembahas memahami usul bahas.
- 10.4.2 Struktur – Penghujahan yang bermutu mempunyai pendahuluan, huraian dan penutup yang jelas. Semasa penghujahan diberikan, kata kunci akan diberi sebagai panduan arah tuju pembahas. Penghujahan harus bersifat logik dan menunjukkan kesinambungan.
- 10.4.3 Tempoh masa penghujahan adalah penting. Terdapat dua (2) aspek yang berkaitan dalam hal ini iaitu berhujah dalam masa yang dibenarkan dan memberi tempoh masa yang secukupnya untuk isu perhujahan.

- 10.4.4 Pembahas perlu membidas hujah lawan sebelum menyatakan isi / hujah.
- 10.4.5 Hakim tidak harus menghakimi kemantapan dan ketepatan penghujahan sahaja tetapi juga harus mengambil kira ketepatan masa dan keutamaan isu.
- 10.4.6 Hakim mesti memahami antara strategi dengan isi. Bayangkan dalam situasi seorang pembahas cuba membidas suatu isi yang penting tetapi tidak membidas dengan baik, bermakna pembahas itu akan mendapat markah yang rendah bagi isi kerana bidasannya. Namun pembahas itu akan mendapat markah yang agak baik untuk strategi kerana dapat membidas hujah yang sepatutnya.

10.5 BAHASA:

10.5.1 Aspek bahasa yang harus diambil kira ialah:

- a. gaya bahasa / laras bahasa
- b. struktur ayat
- c. tatabahasa
- d. kosa kata

10.5.2 Aspek bahasa lain yang turut dinilai ialah:

- a. sebutan
- b. kelancaran
- c. nada
- d. intonasi

10.6 BIDASAN:

10.6.1 Pembahas sepatutnya membidas hujah dan bukan contoh.

10.6.2 Selain itu, pembahas mungkin boleh memberikan beberapa contoh / analogi bagi menerangkan hujah yang sama. Oleh itu, jika pembahas daripada pihak lawan dapat membuat satu bidasan untuk menumbangkan semua contoh yang diberi maka tidak perlu membidas setiap contoh.

10.7 UCAPAN PENGGULUNGAN:

10.7.1 Penggulungan merupakan rumusan tentang pendirian pembahas tentang isu yang dibahaskan.

10.7.2 Dalam penggulungan, pembahas tidak digalakkan memfokus kepada perkara yang remeh-temeh atau contoh-contoh. Pembahas sepatutnya menitikberatkan isu-isu utama yang boleh menyokong pendirian mereka dan seterusnya menggoyah pendirian pihak lawan.

10.7.3 Semasa sesi penggulungan, pembahas tidak boleh mengemukakan hujah baharu.

10.8 IZIN LALUAN:

- 10.8.1 Semasa seseorang pembahas sedang berucap, pihak lawan dibenarkan memohon izin laluan. Izin laluan ialah celahan formal yang ditujukan kepada pembahas yang sedang berucap. Izin laluan boleh dilakukan dalam bentuk:
- i. Kenyataan
 - ii. Fakta
 - iii. Ayat-ayat pendek yang berkaitan dengan isu yang sedang diutarakan oleh pembahas.
- 10.8.2 Tujuan utama izin laluan adalah untuk memberi atau meminta maklumat lanjut tentang sesuatu isi yang sedang diucapkan. Pihak lawan boleh membetulkan fakta yang dianggap terpesong. Izin laluan juga boleh digunakan untuk meminta penjelasan dan menyoal pihak lawan.
- 10.8.3 Izin laluan boleh dilakukan oleh pihak lawan ketika seseorang pembahas menyatakan hujahnya. Pembahas itu boleh menerima atau menolak izin laluan itu. Jikalau izin laluan itu diterima, pihak lawan itu boleh membetulkan maklumat pembahas itu atau menyatakan soalan tentang isu yang dinyatakan dalam perbahasan tersebut, khususnya yang baru diutarakan oleh pembahas.
- 10.8.4 Dengan adanya izin laluan bermakna setiap pembahas akan mengambil bahagian dari awal hingga akhir perbahasan dijalankan dan bukan hanya ketika menyatakan hujah masing-masing.
- 10.8.5 Masa selama 15 saat sahaja diperuntukkan untuk setiap izin laluan. Izin laluan haruslah padat dan bernas.
- 10.8.6 Izin laluan tidak boleh disalahgunakan untuk sengaja mengganggu pihak lawan kerana terdapat etika yang wajib dipatuhi. Markah strategi akan dikurangkan sekiranya melanggar etika ini.

10.9 ETIKA IZIN LALUAN:

- 10.9.1 Pasukan lawan hanya dibenarkan memohon izin laluan antara minit ke-2 dan minit ke-7 ucapan pembahas (Perdana Menteri / Ketua Pembangkang) dan minit ke-6 (Pembahas kedua dan ketiga). Izin laluan tidak boleh dilakukan pada minit pertama dan minit terakhir semasa pembahas sedang berucap. Loceng akan dibunyikan untuk menandakan permulaan dan penamat masa yang ditetapkan untuk izin laluan.
- 10.9.2 Tiada izin laluan semasa sesi penggulungan.
- 10.9.3 Isyarat-isyarat hormat seperti mengangkat tangan atau berdiri tegak hendaklah dilakukan semasa memohon izin laluan. Perlakuan yang kasar dan biadap seperti menepuk-nepuk meja atau tangan, memetik jari, melambai-lambai, bersiul, menjerit dan apa-apa sahaja

yang sengaja dilakukan untuk tujuan mengganggu pihak lawan akan mengurangkan markah strategi.

10.9.4 Kata-kata yang diucapkan semasa izin laluan hendaklah sopan dan berbudi bahasa serta mencerminkan tatasusila, adab, budaya yang tinggi. Menjerit, marah-marah dan mengejek pihak lawan adalah dilarang.

10.9.5 Izin laluan dipohon dengan pembahas-pembahas berdiri dan menyebut izin Laluan. Pembahas yang sedang berucap tidak semestinya menerima setiap izin laluan yang ditujukan kepadanya.

Pembahas boleh:

- i. Meminta pihak lawannya untuk duduk
- ii. Habiskan ayatnya dan terima izin laluan tersebut
- iii. Menerima izin laluan ketika itu

10.10 MEMOHON DAN MENERIMA IZIN LALUAN:

10.10.1 Sepanjang perbahasan seseorang pembahas diwajibkan memohon sekurang-kurangnya dua (2) kali izin laluan. Pembahas juga mesti menerima sekurang – kurangnya dua (2) kali izin laluan yang ditujukan kepadanya.

10.10.2 Pembahas yang memohon izin laluan kurang daripada dua (2) kali akan kehilangan markah strategi.

10.10.3 Izin laluan dalam tempoh yang dibenarkan perlu dihabiskan oleh penyoal terlebih dahulu sebelum dijawab oleh penerima. Markah ditolak jika melanggar etika ini.

10.11 MARGIN

10.11.1 Margin ialah beza jumlah markah dua pasukan yang bertanding.

10.11.2 Margin dapat membezakan pasukan yang menang sama ada menang dengan kemenangan tipis, kemenangan selesa dan kemenangan besar.

10.11.3 Huraian tentang margin adalah sebagaimana berikut:

MARGIN 1-4 (TIPIS)

- Perbahasan sangat sengit.
- Perbezaan kemenangan adalah sangat tipis.
- Perbezaan markah setiap pasukan sangat tipis.
- Kedua-dua pasukan menunjukkan mutu perbahasan sangat setara
- Isi-isi yang dikemukakan sangat setara.
- Strategi yang digunakan setara.
- Ketiga-tiga pembahas dalam setiap pasukan menunjukkan prestasi yang setara dan konsisten.

MARGIN 5-9 (SELESA)

- Perbahasan masih sengit.
- Perbezaan kemenangan agak jelas
- Perbezaan markah jelas.
- Kedua-dua pasukan masih menunjukkan mutu perbahasan yang setara.
- Isi-isi yang dikemukakan dan bidasan masih baik dan tepat.
- Strategi masih baik tetapi kurang berkesan.
- Prestasi pembahas tidak konsisten.

MARGIN 10-12 (BESAR)

- Perbahasan berat sebelah.
- Perbezaan kemenangan sangat jelas
- Perbezaan markah sangat jelas.
- Pasukan yang kalah tidak memenuhi aspek perbahasan utama.
- Isi dan strategi pasukan yang kalah tidak ampuh.
- Strategi pasukan yang kalah lemah dan tidak berkesan.
- Prestasi pembahas yang kalah sangat tidak konsisten.

11. PROSES PENGHAKIMAN BAHAS:

11.1 Pasukan yang di sebelah kanan Speaker ialah Pasukan Kerajaan, manakala pasukan di sebelah kiri Speaker ialah Pasukan Pembangkang.

11.2 Isikan nama pembahas dalam borang penghakiman. Pembahas pertama duduk berhampiran dengan Speaker Dewan, diikuti oleh Pembahas kedua dan Pembahas Ketiga.

11.3 Semasa menjalankan penghakiman, seseorang hakim perlu melakukan dua (2) perkara iaitu :

- i. Memerhatikan bahawa setiap pembahas itu menjalankan tugas/peranan masing-masing.
- ii. Menghakimi dan memberi markah kepada setiap pembahas.

11.4 Setiap kali pembahas berhujah, hakim perlu mengisikan markah pada ruang yang disediakan dalam Borang Pemarkahan.

11.5 Cara mengisi markah Ketua Hakim dan Hakim:

- i. Tentukan markah setiap pembahas
- ii. Tentukan markah keseluruhan (kerajaan / pembangkang)
- iii. Tentukan pemenang perbahasan
- iv. Tentukan margin perbahasan
- v. Tentukan pembahas terbaik
- vi. Lengkapkan semua maklumat dalam borang markah

Peranan Ketua Hakim:

- i. Isi borang Rumusan Hakim
- ii. Tuntukan pemenang perbahasan
- iii. Tentukan keputusan juri (3-0 / 2-1)
- iv. Tentukan margin keseluruhan
- v. Tentukan skor markah keseluruhan
- vi. Tentukan pembahas terbaik pertandingan
- vii. Berikan ulasan / komen (kekuatan dan kelemahan)
- viii. Umumkan keputusan
 - Menang / kalah
 - Juri
 - Margin
 - Markah
 - Pembahas terbaik

11.6 Ulasan hakim :

11.6.1 Ketua hakim perlu membuat ulasan setelah selesai sesi perbahasan.

11.6.2 Ulasan mesti berdasarkan kekuatan dan kelemahan aspek perbahasan yang meliputi isi, strategi, gaya dan bahasa. Ulasan perlu bersifat umum dan tidak menjurus kepada mana-mana pasukan.

SOP YANG DISEDIAKAN ADALAH MENGIKUT TAHUN SEMASA. SEBARANG PERUBAHAN TERTAKLUK KEPADA KEPUTUSAN MESYUARAT.

SEKIAN, TERIMA KASIH.